



**KENYATAAN AKHBAR**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**  
**SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA DAN CHIKUNGUNYA DI**  
**MALAYSIA**

(Bagi Minggu 17/2018 dari 22 hingga 28 April 2018)

Kes Denggi yang dilaporkan pada minggu ke-17 iaitu bermula dari 22 April hingga 28 April 2018 menunjukkan penurunan. Sejumlah 1,183 kes Denggi telah dilaporkan pada minggu ke-17, penurunan 65 kes (5.2%) berbanding minggu sebelumnya iaitu 1,248 kes. Ini menjadikan jumlah kumulatif kes Denggi sehingga 28 April 2018 sebanyak 19,348 kes berbanding 31,319 kes bagi tempoh yang sama tahun 2017, iaitu penurunan sebanyak 11,971 kes (38.2%).

Terdapat tujuh (7) negeri yang menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu sebelumnya iaitu WP KL-Putrajaya 19 kes (19%), Johor 11 kes (13.4%), Kelantan 10 kes (142.9%), WP Labuan 2 kes (200%), Melaka 2 kes (100%), Sarawak 2 kes (40%) dan Kedah 2 kes (6.3%). Oleh yang demikian, aktiviti pencegahan Denggi perlu terus dipergiatkan terutamanya penghapusan pembiakan nyamuk Aedes melalui pembersihan persekitaran di premis yang berisiko tinggi seperti taman mainan/rekreasi, tanah/lot kosong, projek terbengkalai, kilang/gudang dan tanah perkuburan.

Tiada kes kematian Denggi yang dilaporkan pada minggu ke-17, menjadikan jumlah kumulatif kematian Denggi adalah sebanyak 36 kematian, berbanding 74 kematian bagi tempoh yang sama tahun 2017, pengurangan sebanyak 38 kematian (51.4%).

Jumlah lokaliti wabak semasa meningkat sebanyak 33 lokaliti (9%), iaitu 398 lokaliti pada minggu ke-17 berbanding 365 lokaliti pada minggu sebelumnya. Pada minggu ke-17, terdapat 51 lokaliti hotspot melibatkan enam (6) buah negeri iaitu Selangor (38), WPKL-Putrajaya (5), Sabah (3), Pulau Pinang (3), Perak (1) dan Johor (1).

Bagi Penyakit Chikungunya, terdapat wabak berlaku di Pasir Pekan Tengah, Tumpat, Kelantan iaitu bermula dari 22 April 2018 dan telah melaporkan 21 kes Chikungunya. Sehingga minggu ke-17, jumlah kumulatif kes Chikungunya seluruh negara pada tahun 2018 adalah sebanyak 62 kes melibatkan 29 kes di Daerah Pasir Puteh, 21 kes di Daerah Tumpat, 4 kes di Daerah Kota Bharu, 2 kes di Daerah Kuala Muda, 1 kes di Daerah Sik, 1 kes di Daerah Meradong, 1 kes di Daerah Machang, 1 kes di Daerah Kangar, 1 kes di Daerah Sepang dan 1 kes di Daerah Penampang.

Berdasarkan pemantauan yang dijalankan oleh Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK) dan Institut Penyelidikan Perubatan (IMR), bagi penyakit Zika, tiada lagi kes dilaporkan sejak 2016 namun pemantauan masih diteruskan oleh MKAK dan IMR. Sehingga 28 April 2018, didapati 932

sampel darah dan lapan (8) sampel urin pesakit yang menunjukkan gejala jangkitan virus Zika adalah negatif.

Kementerian Kesihatan menegaskan langkah-langkah pencegahan nyamuk Aedes perlu dipertingkatkan bagi menghalang penyebaran virus Chikungunya dan Virus Denggi. Penglibatan aktif dan kerjasama dari semua agensi, jabatan dan masyarakat setempat adalah diminta dalam aktiviti pemusnahan tempat pembiakan Aedes serta sentiasa memastikan kebersihan persekitaran perlu diberi fokus utama. Selain itu, masyarakat juga dinasihatkan untuk segera mendapatkan pengesahan dan rawatan di fasiliti kesihatan sekiranya mengalami gejala seperti demam, sakit badan, sakit sendi, sakit kepala, muntah atau gejala lain. **Tiada Aedes, Tiada Denggi, Chikungunya dan Zika.**



**DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH**  
Ketua Pengarah Kesihatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia

6 April 2018

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 17/2018  
(22 hingga 28 April 2018)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan				Jumlah Terkumpul Kes denggi sehingga minggu 17/2018		Jumlah Terkumpul Kes denggi sehingga minggu 17/2017	
		Minggu 17 (22 – 28 April 2018)		Minggu 16 (15 – 21 April 2018)		Kes	Mati	Kes	Mati
		Kes	Mati	Kes	Mati				
1	Perlis	4	0	4	0	82	0	63	0
2	Kedah	34	0	32	0	474	2	455	1
3	P. Pinang	58	0	71	0	1251	1	780	5
4	Perak	39	0	50	0	1067	2	2782	6
5	Selangor	686	0	760	0	10635	10	16603	26
6	WP KL & Putrajaya	119	0	100	0	1387	2	2988	11
7	N. Sembilan	24	0	26	0	386	0	1380	7
8	Melaka	4	0	2	0	163	0	608	0
9	Johor	93	0	82	0	1821	4	2253	9
10	Pahang	15	0	24	0	298	1	731	1
11	Terengganu	5	0	5	0	61	0	116	0
12	Kelantan	17	0	7	0	301	1	1377	2
13	Sarawak	7	0	5	0	170	1	505	3
14	Sabah	75	0	79	2	1233	12	674	3
15	WP Labuan	3	0	1	0	19	0	4	0
	<b>MALAYSIA</b>	<b>1183</b>	<b>0</b>	<b>1248</b>	<b>2</b>	<b>19348</b>	<b>36</b>	<b>31319</b>	<b>74</b>

\* Sumber : Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan

**LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 17/2018  
(22 hingga 28 April 2018)**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	PERAK	Kinta	Kg Tersusun Jelapang Jaya	38	106
2	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Seksyen 1 Bandar Teknologi	26	89
3	SELANGOR	Petaling	Seksyen 28 ( Flat E : Blok 47 - 54 )	36	86
4	SELANGOR	Petaling	Seksyen 13 ( Pangsapuri Perdana )	74	83
5	SELANGOR	Petaling	Seksyen U7 ( Tudm Subang A : Blok G1 - G8 )	42	82
6	SELANGOR	Petaling	Seksyen 18 ( Teres D : Jalan 18/19 - 18/27 )	30	75
7	SELANGOR	Petaling	Seksyen 17 ( Padang Jawa K : Jalan Bilal Wondo )	17	72
8	SELANGOR	Gombak	Kip Bt 8	11	63
9	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Sri Raya	15	55
10	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Pangsapuri Kristal)	15	52
11	SELANGOR	Petaling	Seksyen U5 ( Pangsapuri Mentari : Blok 1,2 & 3 )	30	51
12	SELANGOR	Gombak	Bdr Tasik Puteri Gv 1 (Zon A)	17	47
13	P PINANG	Seberg Perai Tengah	Tmn Sri Janggus (Blok A1-A5)	35	46
14	SELANGOR	Petaling	Seksyen U1 (Taman Perindustrian Hicom Glenmarie : Jln U1/14 - 29)	7	45
15	SELANGOR	Klang	Kg Sg Udang (Rumah Murah)	13	45
16	WPKL	Cheras	Appt Jalil Damai (Bukit Jalil)	9	44
17	SELANGOR	Gombak	Appt Palma Bch	16	44

18	SELANGOR	Klang	Kg Delek Kanan (Jln Lurah Said 1)	12	43
19	SELANGOR	Petaling	Tmn Sri Puchong	5	43
20	SABAH	Kunak	Kg Jaya Baru	25	41
21	P PINANG	Seberg Perai Tengah	Taman Seri Pauh	16	41
22	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Teres C : Jln 7/10 - 7/22)	8	41
23	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Pangsapuri Baiduri)	22	41
24	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Tropika 2 Taman Tropika	8	40
25	SELANGOR	Klang	Bandar Putera (Jln Kebun Nenas 2)	16	39
26	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Flat A : Blok 1 - 12, Blok 38 - 43)	13	39
27	SELANGOR	Petaling	Kd Pju 1a D'aman Crimson	7	39
28	WPKL	Titiwangsa	Flat Tmn Setapak Indah	17	38
29	SABAH	Kunak	Kg Bagiang	6	37
30	SELANGOR	Petaling	Seksyen 15 ( Dataran Otomobil : Blok 1 - 18 )	14	36
31	P PINANG	Timur Laut	Desa Baiduri	8	36
32	SELANGOR	Petaling	Tmn Bkt Kinrara 1 ( Teres)	10	35
33	SABAH	Tawau	Jk02 Tmn. Semarak Loji	5	35
34	SELANGOR	Petaling	Bg Seksyen 51a Pusat Komersial	4	34
35	SELANGOR	Petaling	Seksyen U19 ( Kg Paya Jaras Hilir : Jln Teratai 1 & 2 )	9	34
36	SELANGOR	Petaling	Seksyen 1 ( Uitm - Kolej Mawar )	15	34
37	SELANGOR	Gombak	Bdr Tasik Puteri Gv3 (Zon B)	5	34
38	SELANGOR	Klang	Kg Delek Kanan(Lot 2206)	6	34
39	SELANGOR	Klang	Pulau Indah (Flat Bandar Armada Putra)	10	34

40	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Gelang Emas	12	33
41	SELANGOR	Petaling	Seksyen U5 ( Pangsapuri Ruby : Blok E, F, G & H )	7	33
42	SELANGOR	Hulu Selangor	Apt Anggerik Tbr Bb	5	33
43	WPKL	Cheras	Flat Sri Penara	13	32
44	WPKL	Cheras	Bayu Tasik Condo 1	11	32
45	SELANGOR	Petaling	Pjs 11 (Spectrum Condo)	8	31
46	SELANGOR	Klang	Telok Gadong (Jln Telok Gadong 1)	8	31
47	SELANGOR	Klang	T.S (Lrg Dato Yusof Shahbudin 44)	24	31
48	SELANGOR	Klang	Taman Sri Sementa (Jln Sri Sementa 3)	16	31
49	SELANGOR	Gombak	Appt Casmaria	11	31
50	WPKL	Titivangsa	Taman Sri Rampai A (Jln 1/26 - 12/26))	8	31
51	SELANGOR	Klang	B.B.K Appartment Palm Ville	18	31